



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **20 Dec2021 (Monday)**

### **Berita Harian**

|                                                           |   |
|-----------------------------------------------------------|---|
| Banjir makin buruk, lebih 30,000 pindah                   | 1 |
| PM umum RM100j bantuan banjir                             | 2 |
| Beberapa kawasan alami tanah runtuh                       | 3 |
| Keprihatinan pelbagai pihak ringankan beban mangsa banjir | 4 |
| Stadium Shah Alam terjejas                                | 5 |

### **Utusan Malaysia**

|                                                                   |    |
|-------------------------------------------------------------------|----|
| Redah banjir                                                      | 6  |
| Bantuan banjir RM100 juta                                         | 7  |
| Bekalan air pula terputus                                         | 8  |
| Banjir: Sultan Selangor zahir dukacita                            | 9  |
| Dua pegawai JKR Mersing didakwa terima rasuah                     | 10 |
| Mangsa banjir di Selangor dijangka meningkat sehingga 4,000 orang | 11 |

### **Harian Metro**

|                                          |    |
|------------------------------------------|----|
| Air berlebihan dilepas secara berterusan | 12 |
| Insiden luar jangka                      | 13 |
| Kejadian terburuk sejak lima tahun lalu  | 14 |
| Selangor mohon bantuan persekutuan       | 15 |

### **Kosmo**

|                                               |    |
|-----------------------------------------------|----|
| Tragedi berlaku sekelip mata                  | 16 |
| Lembah Klang `terkepung` air banjir           | 17 |
| Lebih 5,000 mangsa direkodkan di 5 negeri     | 18 |
| Catu belanja makan RM3 sehari                 | 19 |
| Permintaan tinggi galakkan lebih ramai ternak | 20 |

### **Sinar Harian**

|                                                     |    |
|-----------------------------------------------------|----|
| KDEBWM bantu pelajar keluarga B40 anak yatim        | 21 |
| Sembilan daerah Selangor berisiko banjir hingga Mac | 22 |
| Kepentingan rakyat perlu diutamakan                 | 23 |

### **Astro Awani**

|                                           |    |
|-------------------------------------------|----|
| Operasi SAR Di Taman Muda Akan Diteruskan | 24 |
|-------------------------------------------|----|

### **Berita Harian Online**

|                                                                     |    |
|---------------------------------------------------------------------|----|
| Banjir di Selangor luar jangka, Kerajaan Pusat salur bantuan segera | 25 |
| Hampir 5,000 anggota bomba diatur gerak bantu mangsa banjir         | 26 |
| MB Selangor rayu bot bantu pindah mangsa                            | 27 |
| Paip pecah mengakibatkan tanah runtuh                               | 28 |
| Pasukan perubatan ditempatkan di PPS berskala besar                 | 29 |
| Sultan Selangor arah LZS hulur bantuan ke PPS                       | 30 |
| Taburan hujan sebulan dalam 24 jam                                  | 31 |

### **Bernama News Channel**

|                                                                  |    |
|------------------------------------------------------------------|----|
| Operasi Pindahkan Mangsa Di Bukit Kemuning, Seri Muda Diteruskan | 32 |
|------------------------------------------------------------------|----|

### **KOSMO Online**

|                                                               |    |
|---------------------------------------------------------------|----|
| 'Pengurusan empangan bukan di bawah bidang kuasa kami' – MPAJ | 33 |
|---------------------------------------------------------------|----|



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



|                                                                                                |    |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Catu belanja makan RM3 sehari                                                                  | 34 |
| Catu belanja makan RM3 sehari                                                                  | 35 |
| Pelajar tahfiz, bayi antara mangsa kejadian tanah runtuh                                       | 36 |
| Sultan Sharafuddin Idris Shah zahir rasa sedih, dukacita banjir di Selangor                    | 37 |
| <b>Nasional FM (87.7)</b>                                                                      |    |
| Hanya Air Dari Empangan Tasik Subang Dilepaskan Secara Berterusan                              | 38 |
| <b>Sinar Harian Online</b>                                                                     |    |
| Banjir di Selangor luar jangka                                                                 | 39 |
| Banjir: Selangor wujud Pusat Koordinasi Sukarelawan                                            | 40 |
| Sultan Selangor titah pelan komprehensif dikemas kini tangani banjir                           | 41 |
| <b>Utusan Malaysia Online</b>                                                                  |    |
| Banjir: Negara rugi RM300 juta                                                                 | 42 |
| 10 maut: Saya hilang isteri, lapan anak sekelip mata – Abd. Razak                              | 43 |
| Banjir: Sultan Selangor zahir dukacita, gesa bantuan disegerakan                               | 44 |
| <b>The Star</b>                                                                                |    |
| COMPOUND DISCOUNT                                                                              | 45 |
| RM100mil for repair works                                                                      | 46 |
| Several landslide incidents reported amid floods                                               | 47 |
| 'Councils must keep channels of communication open'                                            | 48 |
| Selangor Sultan moved by plight of the people                                                  | 49 |
| Thousands more evacuated as floods hit more areas                                              | 50 |
| 'We have lost everything'                                                                      | 51 |
| Major floods disrupt water supply in Selangor and Negri                                        | 52 |
| 'You just can't blame the rain'                                                                | 53 |
| A new political landscape                                                                      | 54 |
| <b>New Straits Times</b>                                                                       |    |
| HLIB Research maintains 'buy' on Taliworks                                                     | 55 |
| SEVERE FLOODING IN KLANG VALLEY                                                                | 56 |
| <b>The Sun</b>                                                                                 |    |
| 472 areas to face water cuts                                                                   | 57 |
| <b>The Malay Mail Online</b>                                                                   |    |
| Selangor hit by major floods, federal govt mobilises immediate aid                             | 58 |
| <b>The Malaysian Reserve</b>                                                                   |    |
| Thousand stranded in worst flood in decades                                                    | 59 |
| <b>The Star Online</b>                                                                         |    |
| Floods: List of avenues to seek or channel aid in Selangor                                     | 60 |
| Selangor govt seeks federal help to deal with floods                                           | 61 |
| <b>Nanyang Siang Pau</b>                                                                       |    |
| Severe flood affected cargo transport; North and South regions affected by 16 hours heavy rain | 62 |
| <b>Guang Ming Daily</b>                                                                        |    |
| Flood in Klang                                                                                 | 63 |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Kwong Wah Yit Poh**

Homes turned into sunken worlds, many areas in Selangor flooded; 3480 areas affected, 38 locations turned into relief centers 64

### **Tamil Malar**

Selangor MB initiate measures to tackle flood emergency 65



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                                         |
|--------------|---|-----------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                           |
| Tajuk Berita | : | Banjir makin buruk, lebih 30,000 pindah |
| Muka Surat   | : | 1                                       |

# Banjir makin buruk, lebih 30,000 pindah

● PM umum bantuan RM100 juta  
baik pulih kediaman, infrastruktur

● RM1,000 untuk  
setiap keluarga terjejas



Tinjauan bersama Unit Udara PDRM, semalam ke beberapa kawasan di sekitar Shah Alam yang terjejas akibat banjir selepas hujan lebat selama dua hari.

(Foto Asyraf Hamzah/ BH)

## 5 sungai di Kelantan berada pada paras bahaya

Dari Muka 1

Menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pahang kekal mencatat jumlah paling ramai dipindahkan iaitu 14,917 orang membabitkan 4,132 keluarga berlindung di 196 PPS di seluruh negeri itu, diikuti Selangor 9,004 orang daripada 3,760 keluarga di 68 PPS. Di Kelantan pula, 4,333 mangsa daripada 1,068 keluarga ditempatkan di 53 PPS. Melaka 754 mangsa (166 keluarga) di 11 PPS. Kuala Lumpur 526 mangsa (463 keluarga) di tiga PPS. Negeri Sembilan 424 mangsa (92 keluarga) di 11 PPS. Terengganu 286 mangsa (66 keluarga) di lapan PPS dan Perak 91 mangsa (23 keluarga) ditempatkan di sebuah PPS.

Tujuh daerah di Pahang yang dilanda banjir ialah Raub, Lipis, Bentong, Jerantut, Maran, Kuantan dan Pekan, manakala Selangor membabitkan Klang, Hulu Langat, Gombak, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling dan Sepang.

Portal rasmi eBanjir Kelantan pula melaporkan lima sungai utama di Kelantan berada pada paras bahaya iaitu Sungai Lebir di Tualang, Kuala Krai merekodkan bacaan 36.57 meter (m); Sungai Kelantan di Tangga Krai (27.07 m); Sungai Kelantan di Jabatan Guillemard (17.09 m); Sungai Golok di Jenoh, Tanah Merah (23.66 m); dan Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas (10.04 m).

Hujan berterusan juga menyebabkan bacaan di 19 stesen

sungai di Pahang melebihi paras bahaya antaranya Sungai Jelat di Lipis, Sungai Tembeling (Jerantut), Sungai Bentong (Bentong), Sungai Semantan (Temerloh), Sungai Pahang (Temerloh) dan Sungai Lembing serta Sungai Belat di Kuantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang media khas malam kelmarin memaklumkan, kebisaannya persiapan menghadapi banjir di beberapa negeri antaranya Kelantan, Pahang dan Terengganu dibuat lebih awal, namun keadaan banjir di Selangor seolah-olah mengejut.

"Saya baca di media sosial, ada juga yang hantar terus kepada saya mohon bantuan kerana ada yang sakit."

"Ada yang dalam bas terperangkap lapan jam dia maklumkan kepada saya, saya dah maklumkan kepada bomba untuk ke tempat itu, cuma keadaan waktu itu banyak kereta lain juga terperangkap jadi kita selamatkan mereka yang lemah," katanya.

Malah, pagi semalam Perdana Menteri menunjuk sendiri operasi penyelamatan dan mengawat mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan Johan Setia yang menempatkan 690 orang dan Sekolah Kebangsaan Telok Gong di Klang yang didiami 1,200 mangsa.

Selapas itu, beliau mengadakan mesyuarat khas banjir yang dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan beberapa anggota Kabinet yang lain.

Pada sidang medianya ke-

mutian, Ismail Sabri berkata, taburan hujan untuk tempoh 24 jam di Selangor dan Kuala Lumpur kelmarin adalah jumlah hujan sebulan menyebabkan air sungai melimpah dan banyak kawasan dilanda banjir.

Katanya, berdasarkan maklumat diberikan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), keadaan itu di luar jangka menyebabkan berlaku kekalutan tambahan pula tidak menjangka air akan meningkat dengan begitu cepat dan mendadak.

"Justeru, berlaku isu kelewatan bagi menyelamatkan mangsa banjir dan memberikan bantuan," katanya.

Terdahulu, Amiruddin pula berkata, hujan luar biasa sejak pagi kelmarin dan berterusan sehingga semalam, ditambah dengan kejadian air pasang menyebabkan beberapa kawasan di Selangor dilanda banjir.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor memaklumkan bahawa taburan hujan telah mencecah 380mm.

"Jumlah ini adalah lebih dua kali ganda taburan hujan terdahulu yang dicatat sebelum ini iaitu kira-kira 180mm. Air pasang di kawasan terbitan banjir pula mencecah hingga 4.5 meter," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.

Banyak kilang dan sektor perniagaan, terutama di Lembah Klang juga dilaporkan turut terjejas dalam tempoh seminggu dua ini.

Ini disebabkan premis mere-

terjejas pada musim tengkujuh kali ini.

Berbanding pada sebelah pagi apabila lebih 14,000 penduduk berada di PPS, angka berkenaan menyaksikan peningkatan mendadak kepada 31,235 orang ditempatkan di 351 PPS di seluruh negara setakat 6.30 petang semalam.

Angka ini tidak termasuk puluhan ribu lagi penduduk sama ada masih terperangkap atau kekal di kediaman masing-masing ekoran banjir masih belum surut, terutama mereka yang tinggal di kawa-

san rendah atau berhampiran tebing sungai utama.

Banjir turut meragut dua nyawa di Selangor, manakala seorang lagi dilaporkan hilang dan dikuatirnya lenas di Kuantan, semalam. Mangsa yang meninggal dunia ialah seorang lelaki berusia 30 tahun di Dengkil dan warga emas, di Shah Alam, manakala seorang mekanik hilang selepas dihayutkan arus bersama kenderaannya di Kampung Cempaka, Kuantan.

Nasional 2, 4, 5, 6, 8, 9

ka dinaiki air atau kawasan mereka masih terputus bekalan elektrik, air dan sistem perhubungan.

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerusi hantaran di Facebook malam kelmarin memaklumkan, bekalan elektrik di 82 kawasan di Klang, Shah Alam (57), Pelabuhan Klang (enam), Sepang (tiga) dan Banting (dua) terputus dan belum pulih.

Selain itu, bekalan elektrik yang terputus di 20 kawasan di Pahang membabitkan Kuantan, Bentong, Jerantut dan Kuala Lipis; lapan lokasi di Melaka; tujuh di Kelantan membabitkan jajahan Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang juga belum pulih.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pula memaklumkan sebanyak 472 kawasan di wilayah Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual susulan banjir di beberapa kawasan di Lembah Klang.

Setakat ini, tiga loji rawatan air (LRA) terpaksa dihentikan operasi iaitu LRA Langat 2 kerana penutupan bekalan elektrik kecemasan di muka sauk Semantan, LRA Cheras Batu 11 dan terbaru, petang semalam LRA Semenyih 2 berikutan peningkatan paras air yang masuk ke rumah pam air mentah, sekali gus sebanyak 70 lagi kawasan di Hulu Langat akan mengalami gangguan bekalan.

Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (JBPM) menerima lebih 1,600 panggilan kecemasan membabitkan bencana banjir di

dalam tempoh 24 jam sejak kelmarin.

Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad, berkata cabaran utama pihaknya adalah untuk memberi tindak balas cepat.

Sementara itu, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, memberi jaminan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan bekerjasama dengan agensi berkaitan sebagai kesiapsiagaan bagi memastikan operasi banjir berjalan lancar.

"Saya beri jaminan, penglibatan ATM tidak akan dikeskudkan. Sebaliknya operasi akan terus ditingkatkan dari masa ke masa mengikut keperluan," katanya menerusi hantaran di akaun Facebook beliau semalam.

Sebagai persediaan seterusnya menghadapi musim tengkujuh yang dijangka berakhir Mac tahun depan, sebanyak 5,731 PPS sudah dikenal pasti di seluruh negara yang mampu menampung 1.63 juta mangsa bencana.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata penyediaan PPS itu bagi menepati monsun timur laut yang bermula Oktober lalu dan dijangka berakhir Mac 2022.

Rina juga berkata, kementeraannya sudah mengerahkan 1,000 pegawai dan kakitangan JKBM serta 500 sukarelawan Skuad Keluarga Malaysia bagi membantu mangsa bencana di PPS.



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |                               |
|-------------------------|---|-------------------------------|
| <b>20 December 2021</b> |   |                               |
| Akhbar                  | : | Berita Harian                 |
| Tajuk Berita            | : | PM umum RM100j bantuan banjir |
| Muka Surat              | : | 2                             |

# PM umum RM100j bantuan banjir

**Peruntukan bagi baik kerosakan kediaman, salur RM1,000 bagi setiap ketua isi rumah terjejas**

Oleh Rohaniza Idris  
dan Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Klang:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan peruntukan awal berjumlah RM100 juta bagi membaiki kerosakan kediaman dan infrastruktur akibat banjir, selain sumbangan RM1,000 kepada setiap ketua isi rumah yang terjejas susulan bencana itu.

"Ini peruntukan awal, jika tidak mencukupi mungkin kita akan tambah. Jumlah RM1,000 mungkin tidak mencukupi untuk membaiki kesan banjir ini, tetapi sekurang-kurangnya ia membantu," kata Perdana Menteri.

Beliau mengumumkan demikian pada sidang media selepas mesyuarat khas di Pejabat Daerah dan Tanah Klang, di sini semalam selepas meninjau operasi penyelamatan dan melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Johan Setia serta SK Telok Gong.

Ismail Sabri yang pada September lalu mengumumkan kerajaan meningkatkan kadar bantuan wang ihsan daripada RM500 kepada RM1,000, berkata kerajaan akan mempercepatkan bayaran kepada penduduk di kawasan

terbabit banjir di Selangor dan negeri lain.

"Biasanya sumbangan itu akan dibayar selepas mereka pulang ke rumah, kita akan dapatkan maklumat mangsa daripada Pejabat Daerah Klang, kita akan segera (bayaran). Kita tidak akan tunggu lama, mereka balik perlu lakukan macam-macam. RM1,000 mungkin tidak cukup, tetapi ini untuk membantu membeli bahan asas diperlukan," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bersetuju menyalurkan sumbangan secara geran padanan dengan pihak kerajaan.

"Peringkat ini, selepas perbincangan dilakukan semalam (kemarin), kita bersetuju menyedekahkan RM20 juta. Ini bermakna RM40 juta padanan kerajaan dengan GLIC dan GLC. Itu antara

bantuan akan diberikan segera bagi mengurangkan beban mangsa banjir ini," katanya.

Beliau turut mengumumkan cuti kecemasan kepada semua kakitangan awam yang terkesan akibat banjir dan menyarakan majikan swasta turut memberikan pekerja mereka cuti berbayar atau *paid leave* dengan tidak menolak peruntukan cuti tahunan dan gaji.

"Berapa lama cuti itu, kakitangan boleh berbincang dengan ketua jabatan masing-masing, termasuk kakitangan awam peringkat kerajaan negeri. Untuk kakitangan swasta, kita minta mereka berbincang dengan majikan. Saya tahu tiada peruntukan undang-undang berkaitan cuti banjir ini, namun ia boleh dilaksanakan atas sifat kemanusiaan," katanya.

Ismail Sabri juga menjelaskan, kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan (KKM)

akan menyediakan pasukan perubatan di pusat pemindahan terutama pusat pemindahan besar seperti PPS SK Telok Gong.

"Ada PPS yang saya lawati, tiada pasukan perubatan, tiada doktor dan jururawat. Jadi, pada mesyuarat hari ini (semalam), kita bersetuju menempatkan jururawat atau doktor di setiap PPS (besar). Kita juga akan bekalkan ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman dan pelitup muka kerana kita tahu mereka berpindah dalam waktu tergesa-gesa.

"Paling penting, ada saringan COVID-19 melalui RTK Antigen dilakukan di setiap pusat pemindahan untuk memastikan semua mangsa yang berpindah selamat daripada jangkitan COVID-19," katanya menambah penugasan doktor dan jururawat di PPS terbabit akan ditentukan oleh KKM.

Perdana Menteri menjelaskan, data dikumpul Kementerian

Alam Sekitar dan Air menunjukkan hujan 24 jam di Selangor kelmarin menyamai taburan sebulan mengakibatkan air sungai melimpah hingga banyak kawasan dilanda banjir dan ia keadaan di luar jangka yang menyebabkan kekalutan.

"Tambahan pula agensi penyelamatan tidak menjangka air meningkat begitu cepat. Justeru, berlaku isu kelewatan bagi menyelamatkan mangsa banjir dan memberikan bantuan, katanya menjelaskan usaha menyelamatkan mangsa banjir di Selangor dan memberikan bantuan termasuk makanan sudah diselesaikan.

Katanya, berbeza dengan persiapan menghadapi banjir di negeri Pantai Timur, apa yang berlaku di Selangor memang tidak dijangka dan ia pertama kali membabitkan banyak kawasan.

"Hari ini (semalam), sudah arahan supaya siapkan keperluan untuk mangsa banjir di PPS, termasuk makanan, tempat tidur dan kemudahan tandas. Untuk makan malam hingga makan pagi esok (pagi ini) akan dibiayai kerajaan Selangor. Esok (hari ini) dan seterusnya melalui peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Untuk tempat tidur, saya sudah arah diberikan tempat perlindungan bentuk *cubical box* dengan tilam dan selimut. Bagi tandas, saya sudah arah ditambah tandas mudah alih kerana tandas di PPS tak mencukupi dan kerja pembersihan dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT), kerana kebersihan penting," katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan kelewatan bantuan seperti yang berlaku kelmarin tidak berulang dan semua bantuan sudah diarah disegerakan.



Ismail Sabri beramah mesra dengan kanak-kanak ketika melawat mangsa banjir di PPS SK Telok Gong, semalam.  
(Foto BERNAMA)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                                     |
|--------------|---|-------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                       |
| Tajuk Berita | : | Beberapa kawasan alami tanah runtuh |
| Muka Surat   | : | 8                                   |



Kerja membersihkan giat dilakukan susulan kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang di Kilometer 69.5 Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak menghala ke Bentong.  
(Foto Aswadi Alias/BH)

# Beberapa kawasan alami tanah runtuh

**Hujan lebat lebih 24 jam punca kejadian di lebuhraya, kawasan perumahan**

**Oleh Faris Fuad dan Roselan Ab Malek**  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hujan lebat berterusan lebih 24 jam kelmarin, turut menyebabkan kejadian tanah runtuh di beberapa kawasan.

Dalam kejadian di Jalan Palimbayan, Sungai Penchala, di sini, tanah runtuh turut menyebabkan seorang warga emas terkurung dalam rumah.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor, berkata mangsa cedera ringan dan sudah diselamatkan anggota bomba pada tengah malam kelmarin.

Kejadian sama turut dilaporkan berhampiran Pangsapuri Te-

ratai dan Medan Selera Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Bandar Baru Selayang, dekat Gombak, malam kelmarin.

Penduduk pangsapuri berkenaan, Muzarina Mustapa, berkata setakat ini tiada penduduk dilaporkan cedera akibat kejadian pada jam 9 malam itu, yang berkemungkinan berpunca daripada hujan lebat sejak beberapa hari ini.

Polis turut menerima laporan kejadian tanah runtuh di bahu jalan berdekatan Tahfiz Al-Munawarah, Taman Melawati dan Jalan Bunga Anggerik Dataran Ukay, Hulu Kelang, dekat Ampang. Satu keluarga membabitkan seorang lelaki, seorang wanita dan seorang bayi, selain 12 pelajar lelaki pusat tahfiz berkenaan dipindahkan ke Dewan Kampung Kemensah.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Farouk Eshak, berkata pihaknya, bomba dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) membuat kawalan serta pemantauan di lokasi kejadian.

Di Seremban, tiada mangsa yang cedera atau kenderaan terimbas dalam kejadian tanah

runtuh dan pokok tumbang di Bukit Tangga, dekat Pantai, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Fazley Ab Rahman, berkata 20 kereta terkandas ekoran laluan terputus dalam kejadian kira-kira jam 9 malam itu.

Di Jerantut, sebanyak 10 laluan di beberapa lokasi sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) ditutup berikutan banjir dan tanah runtuh pada jam 8 pagi semalam.

Pengurus Besar Kanan syarikat konsesi KLK dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), ANIH Berhad, Radzimah Mohd Radzi, berkata bantuan makanan diberikan kepada mangsa terkandas dan bot penyelamat juga dihantar ke lokasi kejadian untuk membawa mangsa keluar.

Katanya, kerja baik pulih laluan dilakukan segera bagi membolehkan pengguna dapat ke destinasi masing-masing dengan selamat dan keadaan terkini lebuhraya boleh diperolehi menerusi media sosial ANIH Berhad iaitu di Twitter @LPTTrafik serta Facebook @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi LPT-Line di 09 5479111 atau 1-700-818-700.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

20 December 2021

|              |   |                                                            |
|--------------|---|------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                                              |
| Tajuk Berita | : | Keperihatinan pelbagai pihak ringankan beban mangsa banjir |
| Muka Surat   | : | 8                                                          |

## Keperihatinan pelbagai pihak ringankan beban mangsa banjir

**Kuala Lumpur:** Pelbagai pihak menzahirkan keprihatinan dan melancarkan pelbagai inisiatif bagi membantu mangsa yang terjejas banjir ketika ini.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengarahkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus menyegerakan bantuan ke pusat penempatan sementara (PPS) dan mengenal pasti situasi rakyat yang kritikal.

Menerusi hantaran Facebook rasmi Istana Selangor @Selangor Royal Office, baginda turut menyuarakan rasa terharu me-

lihat semangat kerjasama anggota masyarakat dan kumpulan sokongan yang saling membantu dalam keadaan sukar ini.

Di **Johor Bahru**, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, mengarahkan pasukan sukarelawan, *Southern Volunteers*, bersiap sedia untuk membantu mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor serta mengajak semua berdoa untuk keselamatan dan berkat Allah SWT bagi mangsa bencana berkenaan.

Di **Masjid Tanah**, Ketua Men-

teri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali mengarahkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mendapatkan maklumat mangsa banjir daripada Pejabat Daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin bagi membolehkan bantuan segera disalurkan.

Di **Shah Alam**, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, merayu bantuan bot perendirian daripada individu dan orang awam bagi meningkatkan aset membantu memindahkan mangsa banjir.

Sementara itu, BERSATU me-

lancarkan Tabung Bantuan Banjir 2021 sempena Perhimpunan Agung Tahunan parti itu semalam, bagi membantu mangsa banjir dengan Presiden-nya, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mengarahkan jentera parti ke kawasan terabit membantu mereka yang terjejas.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) turut membuka Masjid UiTM Shah Alam sebagai penempatan sementara semua mangsa banjir sekitar Shah Alam, menyediakan bas untuk membawa mangsa dari pusat pemindahan banjir (PPS) Seko-

lah Kebangsaan (SK) Padang Jawa ke Seksyen 16, Shah Alam, selain mewujudkan bantuan khas untuk warganya yang terjejas.

Syarikat automotif, PERODUA pula menawarkan rebat perkhidmatan tunda kenderaan, diskaun alat ganti terpilih dan pemeriksaan percuma kenderaan kepada semua pemilik kenderaan keluarannya yang terjejas banjir sebahagian usaha syarikat itu untuk meringankan beban pelanggan yang terkesan dengan bencana itu.



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>20 December 2021</b> |   |                            |
|--------------------------------------------------|---|----------------------------|
| Akhbar                                           | : | Berita Harian              |
| Tajuk Berita                                     | : | Stadium Shah Alam terjejas |
| Muka Surat                                       | : | 55                         |

## Stadium Shah Alam terjejas

**Kuala Lumpur:** Banjir teruk yang melanda Selangor ketika ini turut menjejaskan infrastruktur sukan dan rekreasi di negeri itu.

Berdasarkan gambar yang tersebar di media sosial, Stadium Shah Alam dikatakan turut terjejas akibat banjir yang menyakikan air memenuhi kawasan padang.

Bagaimanapun, ia tidak menjejaskan pasukan Selangor FC untuk saingan Liga Malaysia (Liga M) musim depan berikutan gelanggang berkenaan sememangnya tidak digunakan Gergasi Merah kerana sedang dalam proses baik pulih.

Berdasarkan laporan media pada Oktober lalu, stadium berkenaan dijangka hanya boleh digunakan dalam tempoh setahun atau dua tahun lagi selepas proses baik pulih siap sepenuhnya.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, pandemik COVID-19 yang melanda menyebabkan proses naik taraf yang sepatutnya dijalankan tahun ini terganggu.

Sebagai rekod, Gergasi Merah berkongsi Stadium Majlis Bandaraya Pertaling Jaya (MBPJ) bersama pasukan PJ City sepanjang saingan Liga Super dan Piala Malaysia musim ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                 |
|--------------|---|-----------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Redah banjir    |
| Muka Surat   | : | 1               |



**Redah banjir**  
 SEKUMPULAN penduduk di Padang Jawa, Shah Alam saling membantu untuk berpindah ke tempat lebih selamat selepas kawasan kediaman mereka ditakluki air akibat banjir semalam.  
 - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI (Lagi gambar di muka 10)



**KANDAS.** Kandas banjir di Persiaran Jalan Perak di Shah Alam menyebabkan penjalanan kenderaan terhambat.  
 - UTUSAN/SINDEWINE ZON



**MERADUK BANJIR.** Penduduk mengharungi banjir di Padang Jawa, Shah Alam selepas tinggalkan air hujan dan banjir kilat semalam.  
 - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



**SABAR.** Penduduk Seksyen 20 Shah Alam menyelamatkan barangan peribadi selepas kediaman mereka ditakluki air semalam.



**GETIR.** Pengguna jalan raya terpaksa mengharungi banjir akibat limpahan air dari Sungai Demersa menyebabkan jalan di Jalan Sebang dilenggangi air dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan semalam. - UTUSAN / FARIZ RUSADLO

**TERSELAMAT.** Mangsa yang baru lepas berkhidmat. Muzi Fatriel dibawa keluar oleh anggota Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam operasi menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam banjir di Seksyen 23 Shah Alam semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>20 December 2021</b> |   |                           |
|--------------------------------------------------|---|---------------------------|
| Akhbar                                           | : | Utusan Malaysia           |
| Tajuk Berita                                     | : | Bantuan banjir RM100 juta |
| Muka Surat                                       | : | 2                         |

Kerajaan umum Isnin cuti kecemasan, RM1,000 bagi setiap isi rumah

# Bantuan banjir RM100 juta

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
 dan **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
 utusannews@medanulnusa.com.my

**KLANG:** Kerajaan mengumumkan cuti kecemasan hari ini bagi penjawat awam yang terkesan dengan banjir selain memperuntukkan RM100 juta

bagi memperbaiki rumah dan infrastruktur yang rosak akibat bencana yang melanda lapan negeri sejak kelmarin.

Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob berkata, majikan-majikan dalam sektor swasta juga diseru mengambil inisiatif sama sebagaimana dilakukan kerajaan dengan memberikan cuti kecemasan kepada pekerja yang terkesan.

"Esok Isnin bermula hari kerja, jadi mereka perlu bekerja wa-

laupun terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Kita faham kesusahan mereka, maka kerajaan setuju memberi cuti kecemasan akibat bencana ini

"Bagi majikan swasta, kalau mereka setuju beri cuti, dua perkara kita syaratkan iaitu tidak

boleh ditolak daripada cuti tahunan dan tidak boleh dipotong gaji... kalau cutinya lima hari, tak boleh potong gaji, ia cuti berbayar," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Daerah dan Tanah Klang di sini semalam.

**Bersambung di muka 2**

## Bantuan banjir RM100 juta

**Dari muka 1**

Terdahulu Perdana Menteri meluang masa melawat dua PPS iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Johan Setia, Klang dan SK Telok Gong, Pelabuhan Klang.

Menurut beliau, bagi meringankan beban mangsa, kerajaan juga akan menyalurkan bantuan khas RM1,000 kepada setiap ketua keluarga secepat mungkin.

Selain itu, Ismail Sabri memberitahu, kerajaan akan mempercepatkan bantuan wang ihsan iaitu RM1,000 seperti diumumkan September lalu bagi setiap isi rumah terutama penerima terlibat banjir.

Kata beliau, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat milik kerajaan (GLC) turut bersetuju menyalurkan sumbangan secara geran padanan bersama-sama dengan pihak kerajaan.

Menurut beliau, pada peringkat awal, GLC dan GLIC masing-masing bersetuju untuk menyediakan peruntukan RM20 juta

"Maknanya kalau RM20 juta (masing-masing dari kerajaan dan GLIC/GLC, (keseluruhannya) RM40 juta, kita ada 'back to back' geran padanan dari kerajaan dan GLC. Ini adalah antara bantuan yang diberikan secara segera bagi mengurangkan bebanan mangsa-mangsa banjir," kata beliau.

Seterusnya, Ismail Sabri memaklumkan, di Selangor sahaja, seramai 15,000 mangsa banjir dipindahkan ke 103 PPS berbanding semalam membatikan 6,000 mangsa.



**ISMAIL Sabri Yaakob menyantuni kanak-kanak ketika melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara Sekolah Kebangsaan Telok Gong di Pelabuhan Klang semalam. -UTUSAN/JABATAN PERDANA MENTERI**

Beliau berkata, situasi banjir di Selangor berlaku di luar jangka dan berdasarkan laporan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) taburan hujan yang melepasi 30 milimeter (mm) dalam masa sehari di negeri itu adalah taburan biasa hujan bagi tempoh sebulan.

"Sebab itu berlaku kekalutan, tiada persediaan berpindah dan sebagainya," kata beliau.

Sementara itu, walaupun semalam cuaca di beberapa negeri kembali cerah dan tidak hujan, situasi banjir bertambah teruk apabila mangsa dilaporkan meningkat kepada 30,350 orang daripada 9,496 keluarga di lapan negeri berbanding kelmarin hanya 6,426 mangsa.

Menurut Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat pukul 5 petang, Pahang mencatatkan negeri tertinggi mangsa banjir dengan 14,143 orang

diikuti Selangor (9,904), Kelantan (4,246), Melaka (599), Kuala Lumpur (526), Negeri Sembilan (459) dan Terengganu (286) serta Perak (87) dengan keseluruhan 340 PPS telah dibuka.

Keadaan itu dijangka bertambah apabila dipercayai lebih ramai mangsa khususnya terdiri daripada warga emas, wanita dan kanak-kanak masih terperangkap di rumah dan jalan raya serta masih menunggu bantuan pihak berkuasa untuk membawa mereka ke PPS.

Banjir mengejut di negeri-negeri itu dikatakan berlaku kesan Lekuan Tropika yang membadaai selatan Filipina sebelum fenomena itu mengukuhkan angin timur laut bertiup ke kawasan semenanjung dengan membawa lembapan tinggi di kawasan pantai timur dan merentasi hampir semua bahagian semenanjung.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                           |
|--------------|---|---------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia           |
| Tajuk Berita | : | Bekalan air pula terputus |
| Muka Surat   | : | 8                         |

Dua juta pengguna di Selangor terjejas, LRA alami gangguan elektrik

# Bekalan air pula terputus

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**  
utusannews@mediamulia.com

**SHAH ALAM:** Peningkatan paras air sungai dan penutupan bekalan elektrik menyebabkan 472 kawasan di sekitar Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual semalam.

Gangguan tersebut yang dijangka melibatkan kira-kira dua juta pengguna itu berlaku berikutan dua Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Langat dan LRA Cheras Batu 11, terpaksa dihenti tugas sementara LRA Langat 2 dikurangkan kapasiti operasinya kepada pengeluaran separa selepas paras air Sungai Langat meningkat sehingga menyebabkan banjir.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dalam kenyataan memberitahu, bagi LRA Langat 2, berlaku penutupan bekalan elektrik kecemasan di muka sauk Semantan yang mengakibatkan ketiadaan bekalan air di LRA Langat 2.

"Di LRA Sungai Langat, peningkatan paras kekeruhan air yang tinggi mengakibatkan LRA hanya mampu mengeluarkan



**SEORANG** pemilik kedai membaiki motosikal di Batu 14, Hulu Langat, Selangor, membersihkan kedainya yang dimasuki air kelmarin.

40 peratus daripada pengeluaran harian manakala LRA Cheras Batu 11 terpaksa di henti tugas berikutan banjir," katanya.

Jelas kenyataan itu, jangkaan untuk LRA Cheras Batu 11, LRA Langat 2 dan LRA Sungai Langat beroperasi sepenuhnya belum dapat dipastikan buat masa ini.

Bagaimanapun, Air Selangor turut memaklumkan pengagihan bekalan air menerusi lori

tangki sebagai sumber alternatif tidak dapat digerakkan terutama bagi premis-premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis dan sebagainya di kawasan banjir.

"Kesulitan itu kerana kebanyakan jalan utama ditutup berikutan banjir. Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dengan insiden ini dari semasa ke semasa menerusi kesemua saluran komunikasi

rasmi kami seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300," kata kenyataan

Tambah kenyataan itu lagi, para pengguna juga boleh mendapatkan senarai kawasan yang terlibat menerusi laman sesawang <http://hentitugas.airselangor.com/> dan aplikasi Air Selangor.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                                        |
|--------------|---|----------------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                        |
| Tajuk Berita | : | Banjir: Sultan Selangor zahir dukacita |
| Muka Surat   | : | 30                                     |

### Banjir: Sultan Selangor zahir dukacita

**SHAH ALAM:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menggesa pihak berkuasa dan bertanggungjawab menyalurkan segera bantuan kepada mangsa yang terjejas akibat banjir selepas hujan lebat selama dua hari sejak Jumaat lalu.

Istana Alam Shah menerusi satu kenyataan memaklumkan, baginda bertitah demikian selepas melihat gambar dan video yang dilaporkan menerusi akhbar dan media sosial mengenai kesukaran yang dihadapi rakyat akibat dilanda banjir.

Menurutnya, baginda menyifatkan bencana yang melanda daerah-daerah di negeri itu adalah terburuk.

"Baginda dimaklumkan banyak lokasi yang terjejas dan terputus hubungan akibat jalan raya dinaiki air serta kawasan-kawasan kediaman yang dilanda banjir luar biasa sehingga kini," katanya.

Tambah kenyataan itu, walau bagaimanapun Sultan Sharafuddin terharu melihat semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh ahli masyarakat dan kumpulan sokongan yang saling bantu membantu antara satu sama lain ketika menghadapi bencana.

Dalam pada itu, baginda turut menggesa Lembaga Zakat Selangor terus menghulurkan bantuan ke pusat-pusat penempatan sementara banjir dan mengenal pasti situasi rakyat yang kritikal.

"Baginda juga menyeru agar pelan tindakan yang lebih komprehensif dikemas kini khususnya apabila berhadapan dengan fenomena bencana banjir luar jangkaan seperti ini supaya respons pantas dapat diambil serta kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terjaga," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                                               |
|--------------|---|-----------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                               |
| Tajuk Berita | : | Dua pegawai JKR Mersing didakwa terima rasuah |
| Muka Surat   | : | 32                                            |

### Dua pegawai JKR Mersing didakwa terima rasuah

**JOHOR BAHRU:** Dua pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) Mersing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan menerima rasuah RM14,000, dua tahun lalu.

Mohd. Idham Mokhtar, 38, dan Mohd. Sukrizal Mohd. Shukor, 44, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Mohd. Idham, seorang jurutera didakwa menerima RM9,000 menerusi akaun Maybank dengan tiada balasan daripada seorang individu berusia 44 tahun melalui akaun bank milik syarikat individu berkenaan.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh di Maybank Islamic Berhad, Jalan Ismail, Mersing, 19 November 2019.

Mohd. Sukrizal berjawatan Penolong Jurukur Bahan pula didakwa menerima RM5,000 menerusi akaun Maybank dengan tiada balasan daripada individu sama.

Mereka didakwa menerima wang berkenaan dengan sedar ada hubungan dengan tugas rasmi selaku Urusetia Jawatankuasa bagi kerja pembaikan lantai bangunan di Sekolah Kebangsaan (SK) Lembaga Endau, selain kerja pembaikan dinding dan lantai akibat mendapan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Anjung Batu.

Kerja pembaikan itu turut meliputi pembaikan bumbung dan siling bagi empat blok bangunan di SMK Ungku Husin, selain kerja pembaikan bumbung serta kerja berkaitan di SK Triang, Mersing.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhsbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                                   |
|--------------|---|-------------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Utusan Malaysia                                                   |
| Tajuk Berita | : | Mangsa banjir di Selangor dijangka meningkat sehingga 4,000 orang |
| Muka Surat   | : | 6                                                                 |

### Mangsa banjir di Selangor dijangka meningkat sehingga 4,000 orang

**SHAH ALAM:** Terburuk dalam tempoh 30 tahun. Itulah yang dapat digambarkan terhadap bencana banjir yang melanda tiga daerah utama di Selangor iaitu di Kuala Langat, Sepang dan Klang berikutan hujan lebat berterusan sejak kelmarin.

Hujan lebat tersebut menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air sejak petang semalam seperti di Kuala Langat melibatkan kawasan Banting, Jenjarom dan Telok Panglima Garang, di Klang pula bermula di Telok Gong, Bandar Sultan Suleiman, Bandar Baru Bukit Raja, Meru dan Kapar sementara di Sepang

pula, banjir di sekitar kawasan Labu dan Dengkil.

Turut dilaporkan banjir di kawasan Taman Jaromas di Kampung Jenjarom apabila deretan kedai berhampiran dua pasar raya besar dinaiki air pada petang kelmarin dengan ketinggian hampir satu kaki selepas berlaku limpahan air dari longkang di sekelilingnya.

Justeru, angka mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) berkemungkinan melepasi 4,000 apabila beberapa lagi kawasan dikenal pasti akan dinaiki air seperti di Jeram, Kua-

la Selangor dan Sabak Bernam berikutan peningkatan paras sungai.

Dalam satu laporan dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), terdapat 11 kawasan di Sungai Bernam, Sungai Rasau, Sungai Binjai, Sungai Langat, Sungai Bakul, Sungai Selangor dan Sungai Jijang berada pada paras bahaya dan orang ramai dinasihatkan berhati-hati.

Sementara itu, tiga kawasan di Sungai Bernam, Sungai Yu dan Sungai Buloh diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga apabila paras airnya meningkat mulai semalam.



**PENDUDUK** Taman Indah Jaya, Lukut, Port Dickson menyelamatkan diri dan harta benda selepas rumah mereka dinaiki air dalam kejadian banjir selepas hujan lebat, awal pagi semalam. - MINGGUAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN



## KERATAN AKHBAR

20 December 2021

|              |   |                                          |
|--------------|---|------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                             |
| Tajuk Berita | : | Air berlebihan dilepas secara berterusan |
| Muka Surat   | : | 2                                        |

## EMPANGAN TASIK SUBANG

# Air berlebihan dilepas secara berterusan

**Kuala Lumpur:** Hanya air dari Empangan Tasik Subang dilepaskan secara berterusan sejak kelmarin berikutan hujan lebat yang melanda Selangor sejak Jumaat lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Izham Hashim berkata, air empangan berkenaan perlu dilepaskan secara berperingkat kerana tahap airnya menghampiri paras penuh yang boleh menyebabkan kerosakan struktur binaan empangan.

"Air yang dilepaskan daripada empangan ini akan dialirkan ke Sungai Subang sebelum ke Sungai Buloh seterusnya ke Sungai Selangor dan ke laut, aliran daripada air ini tidak akan memasuki Sungai Klang," katanya kepada Bernama, semalam.

Terdahulu tular di media sosial air Empangan Klang Gate dan Empangan Semenyih akan dilepaskan berikutan paras airnya sudah mencecah kapasiti penuh.

Menurut Izham, bagi empangan lain di Selangor pelepasan air dilakukan secara berkala seperti biasa yang



*Air yang dilepaskan daripada empangan ini akan dialirkan ke Sungai Subang sebelum ke Sungai Buloh"*

**Izham Hashim**

tidak membabitkan pelepasan air yang banyak.

Jabatan Pengairan dan Saliran melalui portal <https://publicinfobanjir.water.gov.my> dalam portalnya melaporkan paras air Sungai Langat, Sungai Bernam, Sungai Binjai, Sungai Selangor di Selangor sudah melebihi tahap bahaya dan sedang menaik.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Norazam Khamis berkata, pihaknya tidak menerima makluman berhubung pelepasan air di empangan.

Katanya, pihaknya bagaimanapun bersedia menyediakan aset logistik untuk berada di kawasan berdekatan empangan yang dikatakan akan dibuka bagi melepaskan air.



WWW.METRO.COM.MY @METROMY

**Harian Metro**

7 MEGERI TERKESAN BANJIR

# DUGAAN LANGIT MENANGIS

Tiga kawasan dalam bencana  
21,000 orang dijangkit ke PPS  
Sebabnya catat bilangan mangsa terbanyak  
Bantuan RM1,000 untuk rakyat terjejas  
Hanya air Empangan Tasik Chabang dilepaskan

SHAH ALAM  
FOTO: ALIFF SUZUKI

KUALA LUMPUR  
FOTO: JAMAL HUSNUL

HULU LANGAT





## KERATAN AKHBAR

20 December 2021

|              |   |                                         |
|--------------|---|-----------------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                            |
| Tajuk Berita | : | Kejadian terburuk sejak lima tahun lalu |
| Muka Surat   | : | 5                                       |

# Kejadian terburuk sejak lima tahun lalu

**Rembau:** Banjir yang melanda Negeri Sembilan sejak malam kelmarin dianggap terburuk dialami negeri ini sejak lima tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, hujan lebat berterusan selain faktor air pasang besar menyebabkan banyak lokasi ditenggelami air dan memakan masa untuk surut.

“Rasanya ini pertama kali sejak saya menjadi Menteri Besar. Kali ini ia melibatkan banyak daerah.

“Banjir kali ini cukup serius dan air tidak dapat mengalir berbanding banjir pada tahun sebelumnya,” katanya ketika ditemui, semalam.

Terdahulu, Aminuddin sempat melawat kawasan banjir di Lubok China dan meninjau pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Kariah Lubok China di sini, semalam.

Beliau pada masa sama memuji tindakan pantas semua agensi memberikan bantuan segera kepada mangsa yang terjejas.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

20 December 2021

|              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro                       |
| Tajuk Berita | : | Selangor mohon bantuan persekutuan |
| Muka Surat   | : | 5                                  |

# Selangor mohon bantuan Persekutuan

**Shah Alam:** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menghubungi Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bagi memohon bantuan kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah banjir dan menyalurkan bantuan kepada mangsa bah di negeri ini.

Amirudin melalui mesej Twitternya memaklumkan kerajaan negeri juga memohon bantuan aset Persekutuan dan pembabitan tentera bagi menyelamatkan mangsa banjir yang terkan-

das ketika ini.

“Saya sudah berhubung dengan Perdana Menteri Datuk Seri @IsmailSabri60 memohon bantuan bagi mangsa banjir di Selangor.

“Saya turut menghubungi Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein @HishammuddinH2O supaya aset dan anggota keselamatan dapat digerakkan bagi membantu proses pemindahan dan penyelamatan mangsa banjir yang terkandas di Selangor,” katanya menerusi ciapan di Twitter.



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>20 December 2021</b> |   |                              |
|--------------------------------------------------|---|------------------------------|
| Akhbar                                           | : | Kosmo                        |
| Tajuk Berita                                     | : | Tragedi berlaku sekelip mata |
| Muka Surat                                       | : | 14                           |

Bapa terselamat nahas kemalangan reda hilangan isteri dan lapan anak

## 'Tragedi berlaku sekelip mata sahaja'

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – "Tragedi itu berlaku dalam sekelip mata dan begitu pantas"

Demikian luahan pilu Abd. Razak Majit, 50, yang terselamat dalam nahas mengorbankan 10 nyawa berdekatan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) USJ, Lebuhraya Elite, dekat sini, kelmarin.

Menurut pengawal keselamatan itu, ketika kejadian dia bersama arwah isteri, Norul Naziah Buyong, 37, dan lapan anak sedang menuju pulang ke rumah mereka di Padang Jawa di sini.

"Namun, kereta Proton Wira dipandu saya tiba-tiba mengalami kerosakan bateri dan terpaksa berhenti di tepi jalan.

"Selepas periksa keadaan kereta, saya sedar-sedar sudah terbaring atas jalan dan melihat kereta kami sudah berada di bawah treler," katanya sebak ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di sini semalam.

Terdahulu, jenazah sembilan beranak itu selamat dikebumikan dalam satu kubur di tanah perkuburan berkenaan, kira-kira pukul 1.30 tengah hari semalam.

Jenazah dikebumikan mengikut turutan usia bermula daripada Allahyarham Norul Naziah Buyong, 37, yang juga ibu kepada keluarga itu.

Ia diikuti anak sulung, Allahyarham Razarul Amin Abd. Razak, 17, Razatul Aliah, 16, Puteri Hidayah Abd Razak, 12, dan Muhammad Aizat Syazwan, 10.

Empat lagi anak suri rumah itu yang turut maut iaitu Allahyarham Muhammad Rolkaizat Rezky, 9, Muhammad Hidayat Hakimie,



**ABD. RAZAK bersama Haikal Faiz selepas pengebumian isteri dan lapan anak yang lain semalam.** – PERTUBUHAN SENTUHAN SETIA KASIH.

7, Puteri Nur Ain Syahwana, 3, dan Muhammad Raid Fathi yang berusia 10 bulan.

Seorang anak yang tidak terlibat dalam nahas itu, Haikal Faiz, 14.

Abd. Razak berkata, dia bersyukur semua urusan pengebumian itu berjalan lancar dan di-sembadikan dalam satu kubur.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak termasuk Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan polis yang membantu urusan kami sejak semalam.

"Biar pun perit, kami reda dengan ketentuan Ilahi dan men-



**KERATAN Kosmo! kelmarin.**

doakan roh isteri serta lapan anak damai di alam sana," katanya.

Tambah beliau, kemalangan itu mengakibatkan kecederaan pada kaki kanannya dan masih dalam proses rawatan.



**JENAZAH sembilan beranak dikebumikan satu kubur di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam semalam.**

Adik kepada Norul Naziah, Nurul Atika, 33, berkata, keluarganya bersyukur kerana urusan pengebumian berjalan lancar dengan bantuan pelbagai pihak.

"Kami juga berterima kasih kerana semua jenazah dapat dikebumikan dengan sempurna dalam satu kubur.

"Keluarga reda dengan ketentuan Ilahi dan mendoakan mereka ditempatkan kalangan para solehah," katanya ketika ditemui selepas selesai pengebumian itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                     |
|--------------|---|-------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                               |
| Tajuk Berita | : | Lembah Klang 'terkepung' air banjir |
| Muka Surat   | : | 8                                   |

Klang paling teruk terjejas, 30 PPS dibuka selepas hujan lebat berterusan sejak kelmarin

# Lembah Klang 'terkepung' air banjir

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB  
 dan MOHAMAD NAUFAL  
 MOHAMAD IDRIS

**PETALING JAYA** - Hujan lebat yang berlarutan selama dua hari sejak kelmarin mengakibatkan kawasan-kawasan di sekitar Lembah Klang dilanda banjir dengan Selangor menerima kesan terburuk selepas lebih 3,000 mangsa dipindahkan ke 30 pusat pemindahan sementara (PPS).

Setakat pukul 5 petang semalam, seramai 3,086 penduduk di daerah Klang, Kuala Langat dan Sepang dipindahkan ke PPS. Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago berkata, sistem perparitan dan pengaliran tidak mampu menampung jumlah hujan berterusan ketika ini.

"Dijangkakan tambahan hujan pada Disember ialah 215 milimeter (mm), namun telah melebihi paras dalam tempoh enam jam. Setakat pukul 11 pagi hari ini (semalam), kita sudah pun merekodkan taburan hujan 1,100mm," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Khamis berkata, angka tertinggi mangsa banjir direkodkan di Klang dengan 2,604 mangsa di 17 buah PPS.

"Manakala, bagi Kuala Langat dan Sepang adalah seramai 482 individu yang ditempatkan di sembilan PPS," katanya dalam kenyataan semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan hujan berterusan dijangka akan melanda Selangor sehingga hari ini selain Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Pahang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi cianpannya di Twitter berkata, PPS yang dibuka di negeri itu ialah PPS Masjid Al-Islah/Masjid Al-Ubudiyah; Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Gong; SK Johan Setia; Balai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sg Pinang; Sekolah Menengah Kebangsaan



**PENUNGGANG** menolak motosikal mereka mengharungi air banjir di Batu 3, Lebuhraya Persekutuan di Shah Alam semalam. - FARIZ RUSADJO



**SEORANG** penduduk bersama dua anaknya di hadapan rumah mereka di Taman Delek Kiri, Klang yang digenangi banjir.

(SMK) Pulau Indah; SRA Pulau Indah; Balai MPKK Perigi Nanas; Balai MPKK Bukit Naga; SK Sungai Bijai dan Sekolah Rendah Agama (SRA) Padang Jawa, Klang.


Turut dibuka ialah PPS SK Jalan Kebun; Balai Raya MPKK Kampung Lombong; SRA Sg Serdang; Dewan Orang Ramai Tok Muda; SRA Pekan Kapar; SRA Sungai Delek dan Dewan MPKK Sungai Delek.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Nelayan Telok Gong, Klang, Norhidayah Ishak, 33, berkata, kampung tersebut mengalami banjir terburuk dalam tempoh 33 tahun.

"Sebelum ini, kampung ini hanya dinaiki air banjir pada paras buku lali, namun kini telah mencecah hingga pinggang atau lebih 0.5 meter.

"Semalam (kelmarin) hujan lebat dalam pukul 6 pagi dan mula reda kira-kira pukul 2.40 petang. Mulai 3 petang, hujan lebat berterusan sehingga kini," katanya ketika ditemui di rumah neneknya di Kampung Nelayan Telok Gong semalam.

Menurutnya, dia dan suami, Mohamed Farhan Shah Khairuddin, 32, tidak sempat menyelamatkan barangan berharga mereka kerana air naik begitu ce-



**NORHIDAYAH** (kanan) bersama ahli keluarganya tidak sempat menyelamatkan barangan kerana air naik dengan cepat di Kampung Nelayan Telok Gong, Klang semalam.

pat mulai 6 petang kelmarin.

Katanya, dia kemudiannya memindahkan dua anaknya Aisy Mikhail Mohamed Farhan

Shah, 6, dan Arisya Mikayla Mohamed Farhan Shah, 5, ke rumah neneknya yang terletak kira-kira 500 meter dari rumahnya.

"Seramai 16 ahli keluarga yang tinggal berdekatan turut berlindung di rumah neneknya kerana kediamannya dua tingkat," katanya.

Seorang penduduk Kampung Delek Kiri, Klang, Abdul Basir Abdul Hadi, 55, berkata, ini adalah kejadian kali kelima kampung tersebut dilanda banjir dengan kali ini adalah insiden terburuk sehingga mencecah hampir satu meter pada malam kelmarin.

Katanya, pembangunan pesat dan tidak seiring dengan peningkatan kemudahan infrastruktur terutama longkang dan parit memudahkan kawasan ini ditenggelami banjir.

"Kami sudah penat dan serik, bukan sekali tetapi lima kali banjir di kampung ini yang mempunyai kira-kira 10,000 penduduk.

"Malam tadi (kelmarin) saya terpaksa memindahkan kambing, ayam dan itik ke lokasi lebih tinggi," katanya.

Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dalam kenyataan berkata, operasi Pelabuhan Utara, Barat dan Selatan turut terjejas berikutan hujan lebat dan banjir kilat.

Setakat pukul 6 petang semalam, sebanyak 9,008 penduduk di Selangor, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Terengganu dipindahkan ke PPS.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                           |
|--------------|---|-------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                                     |
| Tajuk Berita | : | Lebih 5,000 mangsa direkodkan di 5 negeri |
| Muka Surat   | : | 9                                         |



**PENDUDUK menyelamatkan haiwan peliharaan selepas lokasi di Kampung Sri Damai, Kuantan dinaiki air.** —  
SHAIKH AHMAD RAZIF

Banjir landa Kelantan, Pahang semakin buruk

# Lebih 5,000 mangsa direkodkan di 5 negeri

Oleh **KHAIRULMIZAN YAHYA**

**KUANTAN** — Seramai 2,209 mangsa banjir membabitkan 620 keluarga dari empat daerah di negeri ini ditempatkan di 59 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di negeri ini setakat ini.

Menurut kenyataan Info Banjir Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), daerah Raub merekodkan jumlah mangsa banjir tertinggi iaitu sebanyak 617 orang yang ditempatkan di 21 PPS setakat pukul 5 petang semalam.

"Selain itu, tiga daerah lagi ialah Maran sebanyak 178 mangsa, Lipis (166 mangsa) dan Jerantut

yang merekodkan 158 mangsa.

"PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kundang Patah, Raub menempatkan paling ramai mangsa banjir di negeri ini iaitu seramai 107 orang diikuti dengan PPS Dewan Semai Bakti Felda Kota Gelanggi Satu, Jerantut dengan 103 mangsa," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air mengeluarkan kenyataan mengenai amaran banjir di lembangan sungai Pahang iaitu Sungai Tembeling, Jerantut.

Di **Kelantan**, daerah Gua Mu-

sang mencatatkan mangsa tertinggi dengan 1,567 mangsa setakat pukul 6 petang.

"Jumlah keseluruhan mangsa di seluruh Kelantan seramai 2,630 daripada 590 keluarga yang dipindahkan ke PPS," katanya.

Katanya, seramai 384 mangsa membabitkan 75 keluarga ditempatkan di PPS seluruh Melaka.

"Terengganu dan Negeri Sembilan pula masing-masing merekodkan 248 dan 202 mangsa banjir dan terjejas.

"Jumlah ini melibatkan 149 buah PPS yang dibuka membabitkan enam negeri termasuk Selangor," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                               |
|--------------|---|-------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                         |
| Tajuk Berita | : | Catu belanja makan RM3 sehari |
| Muka Surat   | : | 16                            |

Lelaki sanggup berhenti kerja demi menjaga ibu dan bapa sakit

# Catu belanja makan RM3 sehari



**AMPANG** – Seorang lelaki sanggup melepaskan kerjaya demi menjaga dan menguruskan kedua-dua ibu bapanya yang lumpuh sejak tiga tahun yang lalu.

Muhammad Puteh Yaakob, 40, mengambil keputusan berhenti kerja pada tahun 2019 setelah bapanya, Yaakob wahab, 65, diserang angin ahmar selepas terjatuh sewaktu berniaga di sebuah pasar malam di daerah ini.

Lebih memilukan, ibunya, Ummi Kalsom Man, 65, memerlukan penjaga rapi kerana menghidap penyakit kencing manis dan buah pinggang tahap empat sejak 15 tahun lalu.

"Sebelum ini saya melakukan kerja pengabutan (*fogging*) dengan sebuah agensi di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya



**UMMI KALSOM dan suaminya, Yaakob kini dijaga oleh anak lelaki mereka ketika ditemui di rumah pasangan itu di Ampang, Selangor baru-baru ini.**

(MPAJ).

"Selepas bapa jatuh sakit, sukar untuk saya keluar bekerja kerana perlu menguruskan mereka di rumah seperti menyediakan makanan dan membuang air

Jadi saya nekad berhenti kerja demi menjaga mereka," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Puteh, selepas berhenti kerja, dia kini melakukan

kerja-kerja kampung dengan anggaran pendapatan sebanyak RM500 sebulan.

Puteh mengakui pada awalnya mereka tiga beranak terpaksa mencatu perbelanjaan dengan

memperuntukkan wang sebanyak RM3 untuk makan setiap hari.

"Kami bernasib baik kerana ramai yang menghulurkan bantuan termasuk penduduk kampung dan Lembaga Zakat Selangor.

"Sumbangan itu digunakan sebaik mungkin untuk membeli barangan keperluan dan membayar sewa rumah," ujarnya.

Dalam pada itu, Ummi Kalsom melahirkan rasa terharu mengenangkan nasib diri dan suaminya yang sakit sehingga menyebabkan mereka terpaksa bergantung harap dengan anak lelaki untuk bergerak.

"Saya tidak menyangka apabila datang ke Selangor, kami jatuh sakit. Selepas saya, suami pula diuji penyakit. Kami tidak ada waris di sini kecuali beberapa kawan baik yang sanggup datang melawat dan membantu lebih-lebih lagi sepanjang musim pandemik," katanya.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian melalui akaun Maybank bernombor **162674186061** milik Ummi Kalsom Man atau menghubunginya di talian **018-9870819**.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                               |
|--------------|---|-----------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Kosmo                                         |
| Tajuk Berita | : | Permintaan tinggi galakkan lebih ramai ternak |
| Muka Surat   | : | 19                                            |



**SMAJU Agro Venture menjadi tempat penternak-penternak udang kara memasarkan hidupan itu.**

## Permintaan tinggi, galakkan lebih ramai ternak

PERMINTAAN yang tinggi terhadap udang kara dilihat dapat menggalakkan lebih ramai orang terutama golongan belia menceburi bidang ternakan akuakultur tersebut.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir Izham Hashim berkata, berdasarkan perbandingan, dianggarkan harga pasaran udang kara mencecah sehingga RM75 sekilogram, manakala udang harimau pula kira-kira RM30 sekilogram.

"Ini merupakan permintaan agak baik lebih-lebih lagi harga pasaran udang kara RM75 sekilogram, jadi nilainya tinggi. Harganya lebih mahal dari udang harimau.

"Kita memerlukan hasil akuakultur terutama udang kerana ia sangat kurang," katanya kepada wartawan pada sesi turun padang melawat SMAJU Agro Venture baru-baru ini.

Malah, Izham turut memuji kejayaan yang dicapai oleh SMAJU Agro Venture berhubung perusahaan ternakan udang kara secara moden ditambah dengan penggunaan Internet Kebendaan (IoT).

"Di sini ia dibuat secara berkelompok dan masing-masing ada bahagiannya selain dibuat secara moden dengan penggunaan IoT," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menambah lagi bantuan terhadap usahawan udang kara pada tahun depan bagi melahirkan lebih ramai lagi penternak.

"Pada tahun lalu, Kerajaan Negeri Selangor memberi bantuan sebanyak RM75,000 melibatkan lima usahawan. Kita nak lihat, jika ia berjaya, pada tahun depan kita tingkatkan lagi jumlah penerima supaya lebih ramai terlibat," katanya.



**IZHAM**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 December 2021

|              |   |                                              |
|--------------|---|----------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                 |
| Tajuk Berita | : | KDEBWM bantu pelajar keluarga B40 anak yatim |
| Muka Surat   | : | 12                                           |

### KDEBWM bantu pelajar keluarga B40, anak yatim

**PUCHONG** - Seramai 64 pelajar dalam kalangan keluarga B40 termasuk anak yatim menerima sumbangan kelengkapan persekolahan daripada KDEB Waste Management (KDEBWM) di Bandar Kinrara di sini.

Pengurus Besar Operasi KDEBWM, Mohd Idris Mohamed Yusof berkata, sumbangan itu membabitkan peruntukan RM10,000 dengan pelajar daripada empat sekolah terpilih dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara.

Katanya, empat sekolah tersebut ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Kinrara, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Puchong Jaya (A), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yak Chee dan SMK Pusat Bandar Puchong (1).

"Pelajar daripada empat sekolah terpilih itu menerima barangan seperti pakaian dan kelengkapan persekolahan jenama Canggih yang mengandungi baju sekolah lengan pendek, seluar panjang sekolah



Sze Han (tiga dari kiri) menyerahkan beg sekolah kepada wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru SMK Pusat Bandar Puchong 1 disaksikan Mohd Idris (tengah).

bagi pelajar lelaki.

"Sementara, pelajar perempuan akan menerima set baju kurung bersama tudung atau set baju *pinafore*, kasut sekolah, stokin, beg sekolah, seluar *track bottom* serta pelitup muka," katanya pada Program Penyerahan Sumbangan *Back To School 2022* anjuran KDEBWM di sini.

Program berlangsung di Dewan Serbaguna Majlis

Bandar Subang Jaya (MBSJ) BK5. Bandar Kinrara itu disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kinrara.

Dalam pada itu, Mohd Idris berkata, inisiatif pemberian sumbangan kelengkapan persekolahan itu diharap dapat memberi peluang kepada pe-

lajar kurang berkemampuan untuk meneruskan pembelajaran mereka dengan baik.

Malah, KDEBW turut berharap dengan keprihatinan itu ia dapat untuk mempertingkatkan prestasi akademik serta memberi dorongan dan sokongan moral kepada ibu bapa serta keluarga dalam membantu memperkasa tahap pendidikan anak-anak.

"Penganjuran program se-

umpama ini juga dapat mengukuhkan hubungan antara KDEBWM dan

Pihak Pusat Khidmat DUN Kinrara iaitu kedua-dua pihak mempunyai satu objektif iaitu mengurangkan beban golongan yang kurang berkemampuan.

"KDEBWM sentiasa menyambut baik dan menyokong program seumpama ini yang dapat memberi manfaat kepada orang ramai," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhsbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                     |
|--------------|---|-----------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Sinar Harian                                        |
| Tajuk Berita | : | Sembilan daerah Selangor berisiko banjir hingga Mac |
| Muka Surat   | : | 3                                                   |



Beberapa penduduk dibawa keluar dari kawasan tersebut menggunakan bot orang-orang di Pekan Linggi, Negeri Sembilan. Pekan Linggi dinaiki air akibat limpahan sungai Linggi kerana hujan yang berterusan sejak Jumaat.

# BANJIR BESAR DI 6 NEGERI

- Selepas hujan lebat berterusan berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang, banjir kini mulai melanda Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor sejak malam Sabtu.
- Hujan lebat yang berterusan sejak Jumaat menyebabkan beberapa kawasan rendah di beberapa negeri telah dinaiki air. Banjir yang melanda Selangor kali ini dianggap antara terburuk berlaku dalam tempoh tujuh tahun.
- Antara kawasan-kawasan yang teruk terjejas ialah Batu 3, Lebuhraya Persekutuan sehingga tidak boleh dilalui semua kenderaan dan Pasar raya Giant di Seksyen 13, Shah Alam yang turut dimasuki air.

MUKA 2, 3, 4 & 5

## Sembilan daerah Selangor berisiko banjir hingga Mac

Kerajaan negeri nasihatkan penduduk di kawasan berisiko buat persediaan dan patuhi arahan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM

Sembilan daerah di Selangor berdepan risiko banjir hingga Mac depan berdasarkan ramalan purata taburan hujan dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

Unit Pengurusan Bencana, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam satu kenyataan berkata, taburan hujan diramalkan antara 250 hingga 370 milimeter (mm) pada November, Disember (200mm - 300mm), Januari (150mm - 230mm), Februari (140mm - 210mm) dan Mac (200mm - 300mm).

Menurut kenyataan itu, kerajaan negeri menasihatkan penduduk di kawasan berisiko untuk membuat persediaan dan mematuhi arahan pasukan keselamatan dari semasa ke semasa.

Tambah kenyataan itu, kerajaan negeri mengarahkan agensi terlibat mengambil langkah siap siaga menghadapi bencana seperti banjir, tanah runtuh dan ribut.

"Semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah, pihak ber-



Kedudukan banjir kilat akibat limpahan air dari Sungai Demansara mengakibatkan Jalan di Batu 3, Lebuhraya Persekutuan ditanggulami air dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan kerana tiupan pada Sabtu.

kuasa keselamatan dan pihak berkuasa tempatan diminta melakukan persediaan awal bagi menghadapi bencana sepanjang tempoh monsun timur laut," menurut kenyataan itu, pada Sabtu.

Menerusi kenyataan tersebut dikongsi lokasi hotspot berisiko banjir dan banjir kilat melibatkan 23 kawasan di daerah Petaling, Klang (26), Sepang (17), Gombak (21), Hulu Langat (32), Kuala Selangor (18), Kuala Langat (7), Hulu Selangor (4) serta Sabak Bernam (2).

Antara kawasan dalam Petaling Jaya

termasuk Kampung Paya Jara, Kampung Cempaka, Kampung Sri Aman, Kampung Tengah, Kampung Budiman, Taman Mesra, Kampung Melayu Subang, Kampung Sri Aman Bestari, Kampung Bukit Cherakah, Kampung Kubu Gajah dan lain-lain.

Di Klang pula Taman Sentosa, Taman Sri Muda, Kampung Johan Setia, Jalan Kebun, Kampung Jalan Benteng, Kampung Jawa, Kampung Bukit Naga, kawasan tol Sungai Rasau, Bukit Kemuning, Bandar Puteri dan lain-lain.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR<br>19 December 2021 |   |                                     |
|------------------------------------|---|-------------------------------------|
| Akhbar                             | : | Sinar Harian                        |
| Tajuk Berita                       | : | Kepentingan rakyat perlu diutamakan |
| Muka Surat                         | : | 32                                  |

# Kepentingan rakyat perlu diutamakan



DARI  
AKHBAR  
CINA

ONG BOON TECK

**A**pabila seluruh negara dilanda pelbagai masalah sama ada dari segi ekonomi ataupun ancaman kesihatan, ahli politik seharusnya tampil memainkan peranan lebih penting memimpin serta menghulurkan bantuan yang sewajarnya.

Malangnya, ketika segenap lapisan masyarakat bimbang dengan ancaman pandemik Covid-19, para pemimpin politik sebaliknya lebih gemar membuang masa di medan politik. Mereka terus merebut kuasa untuk mengekalkan kedudukan tanpa mepedulikan nasib rakyat.

Dalam membincangkan isu tanggungjawab yang ada pada pemimpin-pemimpin politik pada hari ini, Lidah Pengarang

*SinChew Daily* berharap semua pemimpin politik di negara kita agar jangan lagi mengabaikan kepentingan negara dan tidak mengendahkan keluhan dan masalah yang dialami rakyat.

Menurut akhbar itu, dalam temu bual dengan media baru-baru ini, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj melahirkan perasaan dukacita kerana kebanyakan pemimpin politik yang menjalankan kegiatan politik mereka walaupun negara sedang menghadapi beberapa krisis yang perlu diselesaikan dengan segera.

Baginda turut bertitah adanya wakil rakyat yang tidak melaksanakan tanggungjawab bagi menghulurkan bantuan kepada rakyat yang mengundi mereka.

Pada Ogos lalu, sewaktu menyampaikan titah ucapan ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Negeri Selangor ke-14 Tahun 2021, baginda turut menegur setiap pemimpin politik sepatutnya mengambil tahu tentang masalah yang sedang dihadapi oleh

rakyat di kawasan masing-masing khususnya dalam mengenal pasti mereka yang terjejas akibat wabak Covid-19.

"Inilah bukan kali pertama teguran dibuat oleh seorang sultan atau raja terhadap sikap pemimpin politik di negara kita."

"Pada September lalu, ketika bertitah pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah turut menegur wakil rakyat jangan sama sekali meletakkan masa depan negara dan rakyat sebagai taruhan dalam percaturan mereka untuk mencapai agenda tertentu.

"Dari segi logiknya, tidak ada salahnya pemimpin politik merebut kuasa demi menjaga kedudukan mereka.

"Namun demikian, mereka juga tidak boleh mengabaikan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat ketika semua orang memerlukan bantuan dan perhatian," jelas akhbar itu.

Menurut *SinChew Daily*, sejak hampir dua tahun kebelakangan ini, akibat penularan wabak Covid-19, kehidupan rakyat semakin tertekan. Ada yang kehilangan pendapatan dalam sekelip mata malahan tidak kurang juga terpaksa melihat pemergian orang-orang yang disayangi mereka buat selama-lamanya akibat serangan virus tersebut.

"Ketika itulah rakyat berada dalam kegelapan dan penderitaan, suasana politik negara pula berada dalam keadaan tidak menentu. Ahli-ahli politik sibuk mengira angka untuk memastikan parti mereka cukup dengan sokongan diperlukan.

"Apabila pemimpin-pemimpin politik terlalu menumpukan masa untuk berpolitik, apakah mereka masih ada masa dan tenaga untuk memikirkan rakyat yang sedang bergelut dengan masalah sara hidup mereka?" tulis akhbar tersebut.

Sehingga hari ini, negara masih dibelenggu isu penularan Covid-19 dan ia dijangka gagal

dipulihkan sepenuhnya dalam tempoh terdekat. Ia menyebabkan kedudukan ekonomi juga tidak dapat kembali aktif seperti sedia kala dalam beberapa bulan akan datang.

"Pemimpin politik kita seharusnya menunaikan tanggungjawab mereka dengan meletakkan kepentingan rakyat di tempat pertama.

"Ketepikan perbezaan fahaman politik dan inilah masa untuk berganding bahu memerangi pandemik Covid-19 dan membantu pertumbuhan ekonomi negara.

"Hulurkan juga sumbangan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

"Pemimpin-pemimpin politik dinasihatkan jangan timbulkan isu yang remeh yang berkaitan dengan agama dan perkauman kerana semua ini tidak sedikit pun membawa faedah kepada semua orang." tambah akhbar Cina itu lagi.

\* Ong Boon Teck ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**20 December 2021**

|              |   |                                           |
|--------------|---|-------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Astro Awani                               |
| Tajuk Berita | : | Operasi SAR Di Taman Muda Akan Diteruskan |
| Muka Surat   | : | -                                         |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                                     |
|--------------|---|---------------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online                                                |
| Tajuk Berita | : | Banjir di Selangor luar jangka, Kerajaan Pusat salur bantuan segera |
| Muka Surat   | : | -                                                                   |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                             |
|--------------|---|-------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online                                        |
| Tajuk Berita | : | Hampir 5,000 anggota bomba diatur gerak bantu mangsa banjir |
| Muka Surat   | : | -                                                           |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                          |
|--------------|---|------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online                     |
| Tajuk Berita | : | MB Selangor rayu bot bantu pindah mangsa |
| Muka Surat   | : | -                                        |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                   |
|--------------|---|-----------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online              |
| Tajuk Berita | : | Paip pecah akibatkan tanah runtuh |
| Muka Surat   | : | -                                 |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                     |
|--------------|---|-----------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online                                |
| Tajuk Berita | : | Pasukan perubatan ditempatkan di PPS berskala besar |
| Muka Surat   | : | -                                                   |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                               |
|--------------|---|-----------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online                          |
| Tajuk Berita | : | Sultan Selangor arah LZS hulur bantuan ke PPS |
| Muka Surat   | : | -                                             |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991




## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                    |
|--------------|---|------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian Online               |
| Tajuk Berita | : | Taburan hujan sebulan dalam 24 jam |
| Muka Surat   | : | -                                  |



Berita  
Sukan  
Dunia  
Hiburan  
Bisnes  
Rencana  
Wanita  
Hujung Minggu  
BH Kapsul  
COVID-19 VAKSIN  
PRN Sarawak

Sel



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**20 December 2021**

|              |   |                                                                  |
|--------------|---|------------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | Bernamea News Channel                                            |
| Tajuk Berita | : | Operasi Pindahkan Mangsa Di Bukit Kemuning, Seri Muda Diteruskan |
| Muka Surat   | : | -                                                                |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                                                               |
|--------------|---|---------------------------------------------------------------|
| Akhbar       | : | KOSMO Online                                                  |
| Tajuk Berita | : | 'Pengurusan empangan bukan di bawah bidang kuasa kami' – MPAJ |
| Muka Surat   | : | -                                                             |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com






CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

|              |   |                               |
|--------------|---|-------------------------------|
| Akhbar       | : | KOSMO Online                  |
| Tajuk Berita | : | Catu belanja makan RM3 sehari |
| Muka Surat   | : | -                             |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com






CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 December 2021

